

**PROGRAM SEMPENA  
RAMADHAN 1433H / 2012M**

**CERAMAH TAFSIR TADARUS AL-QUR'AN  
RAMADHAN TAHUN 1433H/2012M**

**TADARUS AL-QUR'AN:  
LEBIH DARI SETAKAT MEMBACANYA**

**Oleh  
YANG BERTHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN  
*Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri***

**Pada:  
Hari Rabu, 05 Ramadhan 1433H  
bersamaan 25 Julai 2012**

**Tempat:  
Masjid Ash-Shaliheen,  
Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,  
Kampung Melabau, Mukim Kianggeh,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Siri Pertama:**

*Surah Al-Furqan, Juz 19, Ayat 30 hingga 32*

وَقَالَ الرَّسُولُ يَرْبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا ﴿٣٠﴾ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ الْمُجْرِمِينَ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًّا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً ۖ كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ ۗ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

**Tafsirnya:**

Dan Rasul berkata: “Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Qur’an ini (sesuatu) yang ditinggalkan (diabaikan).”(30)

Dan demikianlah Kami menjadikan bagi setiap nabi itu musuh daripada kalangan orang-orang berdosa. Dan cukuplah Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) menjadi Pemberi Petunjuk dan Penolong.(31)

Dan orang-orang yang kafir berkata: “Mengapa tidak diturunkan al-Qur’an itu kepadanya (Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam*) dengan sekaligus?” Demikianlah (al-Qur’an diturunkan secara beransur-ansur) supaya Kami meneguhkan hatimu (wahai Nabi Muhammad) dengannya dan Kami membacakannya secara *tartil* (teratur dan sedikit demi sedikit).(32)

(Al-Furqan:30-32)

## Mukadimah

Pada malam-malam bulan Ramadhan Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* didatangi malaikat Jibril *'alaihissalam* untuk *mentadarus* al-Qur'an.

Hadits riwayat Ibnu Abbas *Radhiallahu 'anhu* yang menyebutkan betapa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diketahui memang sangat pemurah itu adalah lebih tersangat pemurah lagi dalam bulan Ramadhan ketika baginda didatangi oleh Jibril *'Alaihissalam* setiap malam Ramadhan lalu *mentadaruskan* al-Qur'an.

Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Ibnu Abbas *Radhiallahu 'anhu*, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ  
حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

Maksudnya:

*Adalah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam seorang yang sangat-sangat pemurah, lebih-lebih lagi kemurahannya dalam bulan Ramadhan, ketika malaikat Jibril datang menemuinya. Baginda ditemui oleh Jibril tiap-tiap malam dalam bulan Ramadhan untuk bertadarus al-Qur'an bersama. Sebenarnya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sangat-sangat bermurah hati dan sentiasa mengerjakan kebajikan, lebih deras daripada hembusan angin (pembawa rahmat)"*

Riwayat itu menyebut *fayudarisuhu al-qur'ana*. Tidak menyebutnya dengan kalimat *tilawah* atau *qira'ah*. Maka dengan itu menunjukkan bahawa *mentadarus al-Qur'an* adalah berlainan daripada setakat membacanya dengan bacaan *tilawah* dan bacaan *qira'ah*.

Kelainannya itu ialah kerana Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan Sayidina Jibril *'Alaihissalam* membaca dan mentilawah al-Qur'an sambil *mentadabbur*, merenungkan maknanya lalu mengambil pengajaran dari ayat-ayat yang dibaca atau ditilawahkan.

Maka *tadarus al-qur'an* itu adalah bertujuan lebih dari setakat membacanya.

Bagaimanapun jangan pula kita beranggapan bahawa membaca atau mentilawah al-Qur'an itu tidak perlu. Ia tetap perlu dan merupakan suruhan ugama. Melalui pembacaan ayat-ayatnya itulah terbuka peluang untuk memahami dan merenungkan maknanya dan seterusnya mengambil pelajaran daripadanya.

## Huraian Ayat

### Ayat 30:

وَقَالَ الرَّسُولُ يَا رَبِّ إِنَّ قَوْمِي اتَّخَذُوا هَذَا الْقُرْآنَ مَهْجُورًا ﴿٣٠﴾

Tafsirnya:

Dan Rasul berkata: "Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Qur'an ini (sesuatu) yang ditinggalkan (diabaikan)." (30)

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyebutkan dalam ayat ini betapa Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam mendakwahkan ugama Islam telah menghadapi tentangan dari sebilangan besar kaumnya sendiri iaitu kaum Quraisy. Sekali pun mereka mengetahui bahawa baginda seorang yang baik dan berperangai mulia namun mereka tidak mudah menerima bahkan membantah dan menolak ajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang diwahyukan kepada baginda menerusi ayat-ayat al-Qur'an.

Maka baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengadu kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengenai sikap dan perihal kaumnya yang *meninggalkan al-Qur'an, mengabaikan dan tidak memberi perhatian terhadap ayat-ayatnya*. Tentu sahaja aduan itu berupa curahan perasaan kesal baginda betapa wahyu Allah (al-Qur'an) telah tidak mereka hargakan apatah lagi untuk menerima ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya.

Apa respon Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada aduan sedemikian itu?

**Ayat 31** menyebutkan:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ الْمُجْرِمِينَ ۗ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾

Tafsirnya:

*Dan demikianlah Kami menjadikan bagi setiap nabi itu musuh daripada kalangan orang-orang berdosa. Dan cukuplah Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) menjadi Pemberi Petunjuk dan Penolong.(31)*

Yakni: Allah *Subhanahu wa Ta'ala* bertujuan *menyejukkan hati RasulNya, Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam* yang sedih dan kesal itu dengan menyatakan tentangan atau penolakan kaum Quraisy, sebilangan besar kaum baginda sendiri itu adalah perkara yang telah pernah terjadi, dihadapi dan dialami oleh nabi-nabi sebelum Baginda. Masing-masing nabi itu akan ada saja musuh-musuh yang menentang dan tidak mempercayai sama ada kenabian mahu pun ajaran-ajaran yang mereka bawakan. Namun dalam apa jua hal dan keadaan baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* diperingatkan untuk tetap bepegang kepada Allah dengan keyakinan bahawa memadailah Allah sahaja yang sebenar-benarnya memberi hidayah dan membantu memenangkan perjuangan mendakwahkan agama Islam yang keranaanya baginda diangkat menjadi nabi dan diutus menjadi Rasul oleh Allah.

Ada yang menarik dalam ayat ini. Musuh-musuh tersebut dilabelkan oleh Allah dengan nama (عَدُوًّا مِنَ الْمُجْرِمِينَ) *'aduwan min al-mujrimin*) iaitu *musuh dari kalangan orang-orang yang berdosa, bersalah.*

Jika label *musuh* sahaja adalah biasa. Artinya sikap dan perbuatan orang yang membenci dan tidak menyukai seseorang serta melawan dan menentang orang yang dibenci dan tidak disukainya itu memanglah termasuk dalam makna memusuhi dan dia dinamakan *musuh* atau dalam bahasa wahyu dalam ayat ini *'aduwan*.

Tetapi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seterusnya menyebutkan bahawa *musuh* yang menentang nabi-nabi itu adalah orang-orang *al-mujrimun*. Label *mujrim* itu dalam makna yang umum adalah *pesalah, penjenayah*. Maka dalam konteks firman Allah dalam ayat ini orang-orang yang membenci nabi-nabi itu adalah menentang atau sekurang-kurangnya telah tidak mengambil indah, mengabaikan ajaran-ajaran Allah yang disampaikan oleh nabi-nabi itu adalah *pesalah* atau *penjenayah yang berdosa besar*.

Tegasnya mereka melakukan kesalahan jenayah. Dan jenayah mereka itu ialah kerana menyekutukan Allah dengan yang lain dan tidak mempercayai bahkan memusuhi NabiNya, lalu mereka pun dilabel dengan sebutan *al-musyrikun*. Tegasnya mereka bersalah kerana syirik iaitu menyekutukan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan yang lain.

Dalam ayat seterusnya, ayat 32 pula menyebutkan ada yang menentang Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam perkara al-Qur'an itu dengan alasan ianya tidak seperti kitab-kitab Allah yang diturunkan sekaligus iaitu kitab Taurat, Injil dan Zabur. Mereka mengingkari hakikat (kenyataan sebenar) ayat-ayat al-Qur'an itu wahyu Allah dengan alasan ianya berbeza cara diturunkan. Keingkaran sedemikian itu menjadikan mereka dilabel

dengan sebutan (الَّذِينَ كَفَرُوا: *al-lazina kafaru*) yakni mereka orang-orang kafir.

Dalih atau alasan penolakan mereka sehingga mengingkari hakikat kenyataan sebenar al-Qur'an itu wahyu Allah ditolak oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan memberikan jawabannya kepada RasulNya Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. **Perhatikan ayat 32:**

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ  
وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

Tafsirnya:

Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan al-Qur'an itu kepadanya (Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*) dengan sekaligus?" Demikianlah (al-Qur'an diturunkan secara beransur-ansur) supaya Kami meneguhkan hatimu (wahai Nabi Muhammad) dengannya dan Kami membacakannya secara tartil (teratur dan sedikit demi sedikit).(32)

Yakni: Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyatakan hikmah atau kebijaksanaanNya menurunkan ayat-ayat al-Qur'an itu tidak serentak sekaligus ialah untuk meneguhkan hati Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatnya, sambil dengan cara yang sama itu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* – menerusi malaikat Jibril 'Alaihissalam pembawa wahyu – membacakannya secara *tartil* iaitu bacaan perlahan, beransur-ansur, jelas dan betul.

## Kesimpulan

1. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kesal apabila al-Qur'an *ditinggalkan, diabaikan*. Dalam artikata yang umum ialah al-Qur'an tidak dihargakan.
2. Penentang-penentang ajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang terkandung dalam ayat-ayat al-Qur'an adalah memusuhi Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Permusuhan mereka dengan cara *meninggalkan atau mengabaikan dan tidak menerima* ajaran-ajaran yang terkandung di dalam ayat-ayatnya itu menyebabkan mereka dilabel oleh Allah sebagai *musuh* dari kalangan *al-mujrimun* yakni *pesalah dan penjenayah* yang berdosa, bersalah sehingga mereka dilabelkan juga dengan sebutan *musyrikun* iaitu menyekutukan atau mensyirikkan Allah dengan yang lain. Adapun penentang-penentang ajaran Allah yang mensyirikkan Allah dengan yang lain dan mengingkari kenabian RasulNya Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan berdalih-dalih pula adalah dilabelkan *kafir*. Kedua-duanya adalah *pesalah yang berdosa besar*.

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية  
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته